

01/02/2003

Tahun kambing dan pemimpin veteran

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

SAMBUTAN Tahun Baru Cina yang juga tahun kambing mendatangkan pelbagai harapan kepada masyarakat Cina di seluruh negara.

Semalam, Sin Chew Daily menasihatkan rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya bersatu padu dan bekerjasama untuk memimpin negara mengharungi pelbagai cabaran mendatang.

Katanya, kambing adalah binatang jinak yang membawa tuah dan diharap tahun kambing adalah tahun keamanan sejagat kerana keamanan adalah harapan masyarakat seluruh dunia.

Akhbar itu turut menasihatkan rakyat supaya menghargai perpaduan dan sikap hormat-menghormati yang dikecapi sekarang kerana ia adalah hasil pengorbanan serta usaha semua pihak.

Sikap saling tidak mempercayai akan menyebabkan hubungan sesama manusia terjejas dan menimbulkan kekecohan. Sehubungan itu, rakyat harus membuang sikap berkenaan untuk terus hidup secara aman dan harmoni.

Nanyang Siang Pau pula berharap perkembangan ekonomi pada tahun kambing dapat dikekalkan seperti tahun lalu dan politik negara terus stabil.

Akhbar itu berpendapat, faktor luaran masih menjadi penentu kepada ekonomi negara, termasuk pengumuman Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq kerana ia pasti akan menjejaskan ekonomi global.

Katanya, pasaran kepenggunaan pada musim perayaan pada asasnya mencerminkan keadaan sebenar ekonomi dan sikap rakyat terhadap masa depan ekonomi negara.

Pasaran barang untuk sambutan Tahun Baru Cina yang agak lembap jelas menunjukkan sikap tunggu dan lihat serta berhati-hati rakyat terhadap ekonomi negara.

Walaupun kerajaan sebelum ini menggalakkan rakyat berbelanja, jumlah perbelanjaan rakyat masih bergantung kepada jumlah pendapatan seisi keluarga.

Sementara itu, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, diberi peluang mengambil alih pentadbiran negara dengan barisan pucuk pimpinan baru, gamat dibincangkan dalam Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Nanban menyifatkan perkembangan itu sebagai sindiran Dr Mahathir kepada semua pemimpin yang masih degil untuk terus berpaut pada jawatan masing-masing.

Walaupun ada pihak berpendapat ingatan Perdana Menteri hanya kepada pemimpin Umno, seharusnya parti komponen lain dalam BN yang berasakan

mereka memerlukan perubahan wajar mencontohi tindakan Umno demi kebaikan masa depan parti dan negara.

Sebaik-baiknya, pemimpin yang sedar kelemahan mereka perlu melepaskan jawatan secara sukarela dan tidak memberi masalah kepada Abdullah yang sudah tentu mempunyai rancangan sendiri dan barisan kepemimpinan pilihannya.

Nesan berpendapat saranan Dr Mahathir tidak membawa maksud bahawa semua pemimpin veteran harus bersara, sebaliknya hanya mereka yang tidak lagi relevan. Malah, mungkin mereka yang melepaskan jawatan sekarang akan dipilih semula oleh Abdullah nanti.

Hakikatnya, lapor akhbar itu, mereka perlu memastikan tidak lagi wujud kes seperti kemelut antara Senator Datuk Zainal Rampak dan Mohamad Shafie

Mammal dalam berebut jawatan Presiden MTUC sehingga menjejaskan ketokohan

Zainal sebagai presiden selama 17 tahun.

Akhbar yang sama juga melaporkan kenyataan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S M Mohd Idris, mengenai peningkatan pesakit kencing manis di mana 1.6 juta atau lapan peratus daripada penduduk negara didapati menghidapnya.

Katanya, jumlah pesakit meningkat sebanyak 39 peratus sejak 10 tahun lalu dan kerajaan harus mengambil langkah proaktif bagi menanganinya secepat mungkin bagi mengurangkan kadar pengambilan gula di kalangan rakyat.

Tambah beliau, lima tahun lalu kerajaan pernah mengadakan perbincangan dengan pengeluar minuman tin dan makanan segera mengenai kemungkinan mengurangkan gula dalam produk mereka tetapi setakat ini belum ada sebarang perkembangan dilaporkan.

Nanban pula membangkitkan kisah Hospital Manjung di Perak yang sering kehabisan ubat, termasuk bagi penyakit seperti demam, selesema, batuk dan

lelah, sehingga pesakit hanya dapat menjalani pemeriksaan tetapi tidak diberi ubat.

Lapor akhbar itu, farmasi hospital berkenaan menggunakan alasan kehabisan ubat sejak setahun lalu dan pesakit terpaksa berulang beberapa kali sebelum mendapat ubat.